



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

**KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**JAS BERJAYA JALANKAN 22,679 PEMERIKSAAN PENGUATKUASAAN
TERHADAP INDUSTRI SEPANJANG TAHUN 2021**

- 1. PUTRAJAYA, 19 MEI 2022** - Sepanjang tahun 2021, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah berjaya menjalankan 22,679 pemeriksaan penguatkuasaan terhadap industri. Sebanyak 10,396 tindakan penguatkuasaan telah diambil merangkumi 2,799 notis arahan, 7,050 tindakan kompaun, 173 penahanan operasi kelengkapan, 6 perintah larangan, 21 gantung lesen dan sebanyak 347 kertas siasatan disediakan. Manakala bagi pemeriksaan penguatkuasaan kenderaan bermotor, sebanyak 5,441 operasi telah dilaksanakan dengan 1,067 tindakan kompaun telah dikenakan.
2. Sementara itu, sejumlah 2,102 pemeriksaan juga dilaksanakan terhadap projek pembangunan yang mempunyai kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada JAS bagi memastikan semua syarat-syarat kelulusan EIA dilaksanakan sepenuhnya. Susulan itu, sejumlah 582 tindakan penguatkuasaan telah diambil merangkumi 322 notis arahan, 187 kompaun dikeluarkan, 16 perintah larangan dan 57 kertas siasatan disediakan.
3. Melalui penguatkuasaan ini juga, JAS telah mengutip sejumlah RM14.9 juta hasil daripada denda sabitan di mahkamah dan bayaran kompaun.
4. Perkara tersebut diumumkan semasa Majlis Apresiasi Penguatkuasaan JAS yang berlangsung hari ini untuk mengiktiraf dan menghargai komitmen pegawai penguatkuasa JAS dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
5. Majlis Apresiasi yang bertemakan ‘Penguatkuasaan Pintar, Pelestarian Alam Sekitar’ ini disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato’ Mansor bin Othman,

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air serta Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

6. Sebanyak 23 kategori anugerah telah disampaikan oleh YB Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air serta Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan) kepada penerima yang terdiri daripada pegawai penguatkuasa JAS negeri merangkumi penguatkuasaan industri, pelepasan kenderaan bermotor dan projek pembangunan tertakluk EIA terbaik, pengurusan aduan terbaik dan tindakan perundangan terbaik. Selain itu, 3 penghargaan khas turut diberikan kepada kepada JAS negeri terlibat yang cemerlang dalam menangani insiden pencemaran iaitu di Tapak Pelupusan Pulau Burung, Pulau Pinang, pencemaran bau di Kampung Baru Sri Aman, Johor dan pembersihan tumpahan minyak di Pantai Cermin, Melaka.
7. Turut disampaikan 9 buah kenderaan pacuan empat roda kepada JAS negeri dan JAS cawangan yang telah diperolehi dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Kenderaan-kenderaan pacuan empat roda ini adalah bagi menggantikan kenderaan sedia ada yang telah rosak dan tidak boleh diselenggara lagi, bagi memastikan penguatkuasaan lapangan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
8. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai penguatkuasa JAS atas pencapaian cemerlang ini dan saya berharap kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2022. Saya juga menyeru agar orang awam bersama-sama menyokong usaha dan inisiatif JAS dalam memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa dapat dipelihara.

- Tamat -

Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Putrajaya
19 MEI 2022